

Warga emas mengaku tidak bersalah cederakan anak perempuan dan isteri

MIRI: Seorang lelaki warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret, semalam atas pertuduhan dengan sengaja mencederakan anak perempuan dan isterinya.

Tertuduh, dari Vista Perdana, Bandar Baru Permy-

jaya di sini didakwa atas dua pertuduhan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Seksyen 323 memperuntukkan hukuman penjara setahun atau denda RM2,000

atau kedua-duanya sekali, manakala Seksyen 326A membawa hukuman penjara dua kali ganda tempoh maksimum yang ditetapkan di bawah seksyen berkaitan (Seksyen 323), jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap anak perempuan kandungannya, 31, dan isterinya, 66, dengan menumbuk pipi kanan dan muka mangsa.

Kedua-dua kesalahan itu

didakwa dilakukan tertuduh pada jam 9 malam, 18 September lalu di sebuah rumah di Lorong Intan 4, Vista Perdana di sini.

Di hadapan mahkamah, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman

memohon ditetapkan tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh mengaku tidak bersalah serta minta dibicara lanjut.

Majistret Ashok Linggam membenarkan permohonan itu dan menetapkan 8 Oktober

depan sebagai tarikh pengurusan kes, manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam bela diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM3,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.